



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR 2023



	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

ISI KANDUNGAN

AKRONIM 1

TAKRIFAN 2

BAB 1: PENGENALAN	8
1.1 Tujuan	8
1.2 Rasional	8
1.3 Objektif	10
1.4 Skop	10
1.5 Prinsip Perkongsian Data.....	10
1.5.1 Prinsip Perkongsian Data Atas Keperluan dan Mendapat Persetujuan.....	11
1.5.2 Prinsip Perkongsian Data Secara Selamat, Cepat dan Tepat.....	11
1.5.3 Prinsip Perkongsian Data Menambah Nilai dan Kualiti Kepada Perkhidmatan Awam, Rakyat dan Negara.....	12
 BAB 2: PEMUDAH CARA PERKONGSIAN DATA NEGERI SELANGOR	 14
2.1 Tadbir Urus Data yang Cepak dan Berkesan.....	14
2.2 Perundangan dan Peraturan yang Tuntas	16
2.3 <i>Standard</i> yang menyokong <i>Interoperability</i>	16
2.4 Platform Perkongsian Data yang SELAMAT, CEPAT dan TEPAT.....	17
2.4.1 Objektif Platform SelGDX.....	17
2.4.2 Peranan dan Tanggungjawab Pentadbir Platform SelGDX.....	18
2.4.3 Ciri-Ciri Standard Platform SelGDX.....	18
2.5 Pembudayaan Kualiti	20
 BAB 3: PELAKSANAAN PERKONGSIAN DATA YANG SELAMAT, CEPAT DAN TEPAT	 22
3.1 Peranan Agensi Terhadap Data.....	22
3.2 Ekosistem Perkongsian Data	25
3.2.1 Agensi Pembekal Data.....	25

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

3.2.2	Pengguna Data.....	26
3.2.3	Pentadbir Platform SelGDX.....	27
3.3	Tatacara Perkongsian Data.....	28
3.4	Penggunaan Data	30
3.5	Pembangunan <i>API Endpoints</i>	31
BAB 4: PERLINDUNGAN DAN PRIVASI DATA		33
4.1	Prinsip Asas Keselamatan Data.....	33
4.2	Pemprosesan Data	34
4.3	Keperluan Keselamatan dan Privasi Data.....	34
BAB 5: PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB		36
5.1	Pematuhan.....	36
5.2	Tanggungjawab.....	37
BAB 6: KUASA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR		38
BAB 7: PENUTUP		39

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

AKRONIM

4IR	<i>4th Industrial Revolution</i>
API	<i>Application Programming Interface</i>
DDSA	<i>Data Dictionary Sektor Awam</i>
G2G	<i>Government-to-Government</i>
G2B	<i>Government-to-Businesses</i>
G2C	<i>Government-to-Citizen</i>
G2E	<i>Government-to-Employee</i>
IPU	Indeks Pencemaran Udara
JAS	Jabatan Alam Sekitar Malaysia
JPS	Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Selangor
METMalaysia	Jabatan Meteorologi Malaysia
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDCA	<i>Plan Do, Check, Action</i> atau Rancang, Buat, Semak, Bertindak
SelGDX	<i>Selangor Government Data Exchange</i>
SUK	<i>Setiausaha Kerajaan</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SSDU	<i>Smart Selangor Delivery Unit</i>

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

TAKRIFAN

Senarai terma di bawah ditakrif bagi maksud pemakaian Dasar Perkongsian Data Selangor ini:

Bil. Terma	Takrifan
1. Agensi	Merujuk kepada Jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pentadbiran Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor termasuk Agensi Sektor Awam.
2. Agensi Pembekal Data	: Merujuk agensi yang bertanggungjawab membekalkan data kepada pengguna secara sah dan selamat.
3. Pengguna Data	: Merujuk agensi atau pihak yang menggunakan data yang dibekalkan dengan bertanggungjawab mengikut kelulusan dan terma persetujuan daripada pembekal data.
4. Agensi Sektor Awam	: Merujuk kepada Jabatan Persekutuan di bawah Negeri Selangor.
5. Anak Syarikat Kerajaan Negeri	: Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi iaitu <i>Government Link Company (GLC)</i> .
6. Data	: Merujuk fakta, statistik, representasi maklumat atau konsep yang disediakan dalam bentuk elektronik dan boleh disampaikan, dianalisis atau diproses sama ada oleh komputer atau kaedah automatik yang lain.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

7. *Data Anonymization* : Merujuk kepada proses mengeluarkan maklumat peribadi atau maklumat berkaitan daripada sesuatu set data yang boleh mengenal pasti atau menjelaskan data asal. Contohnya data keputusan ujian makmal yang dikongsi tidak boleh menunjukkan data berkenaan merujuk mana-mana individu.
8. *Data Rahsia Rasmi* : Merujuk kepada data yang mengandungi rahsia rasmi.
9. *Data Rasmi* : Merujuk kepada data selain data rahsia rasmi.
10. *Data mentah* : Merujuk kepada data yang belum diproses atau belum disesuaikan untuk kegunaan sistem komputer.
11. *Data Terbitan* : Merujuk kepada data baharu yang terhasil daripada aktiviti pemprosesan dan analisis data.
12. *Data Terbuka* : Merujuk kepada data yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsi dan digunakan semula oleh rakyat, Agensi Sektor Awam dan swasta untuk pelbagai tujuan.
13. *G2B* : Bermaksud *Government-to-Businesses* yang dirujuk sebagai perkongsian data antara Agensi dengan Komuniti Perniagaan. Komuniti perniagaan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada *Government Investment Company* (GIC), Anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC), Syarikat Swasta, Institusi Pengajian Swasta dan *Non Governmental Organization* (NGO).
14. *G2C* : Bermaksud *Government-to-Citizen* yang dirujuk sebagai perkongsian data antara Agensi dengan Rakyat. Rakyat dalam dasar ini dirujuk sebagai warganegara dan pemastautin tetap.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

15. G2E : Bermaksud *Government-to-Employee* yang dirujuk sebagai perkongsian data antara Agensi dengan Penjawat Awam. Contoh data yang dikongsi: data kehadiran, penggajian dan kenaikan pangkat.
16. G2G : Bermaksud *Government-to-Government* yang dirujuk sebagai perkongsian data antara Agensi dengan agensi masing-masing.
17. Instrumen Pentadbiran : Merujuk dokumen rasmi yang digunakan oleh Agensi bagi menyokong pengurusan pentadbiran seperti polisi, garis panduan, prosedur, tatacara dan dokumen lain yang diterbitkan oleh agensi masing-masing.
18. Instrumen Perundangan : Bermaksud dokumen rasmi peringkat tertinggi yang disediakan dan digunakan oleh Agensi yang berkaitan dengan perundangan seperti akta, peraturan dan dokumen rasmi lain yang mempunyai punca kuasa daripada perundangan.
19. Ketirisan Data : Merujuk kepada kebocoran atau kehilangan sesuatu data yang dianggap sulit daripada sumbernya.
20. Komputer : Bermaksud peranti elektronik, magnet, optik, elektrokimia atau peranti pemprosesan data yang lain atau sekumpulan peranti tersaling sambung atau yang berkaitan, yang melaksanakan fungsi logik, aritmetik, storan dan paparan dan termasuk apa-apa kemudahan storan data atau kemudahan komunikasi yang berkaitan secara langsung dengan atau dikendalikan bersama dengan peranti atau sekumpulan peranti tersaling sambung atau yang berkaitan, tetapi tidak

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

termasuk mesin taip atau mesin pengatur huruf berautomasi atau mesin kira pegang tangan mudah alih atau peranti seumpama yang lain yang tidak boleh diprogramkan atau yang tidak mengandungi apa-apa kemudahan storan data.

21. Pihak Berkuasa Tempatan : Merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang kawasan pentadbirannya dalam Negeri Selangor.
22. Pasukan Perkongsian Data : Merujuk kepada pasukan yang bertanggungjawab bagi keperluan teknikal untuk perkongsian data.
23. Pentadbir Data : Merujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir data di Agensi.
24. Pemegang Amanah Data (*Data Trustee*) : Merujuk kepada ahli kanan dalam pentadbiran yang bertanggungjawab kepada sebahagian data berkaitan fungsi utama organisasi bagi mengurus, mentadbir dan mengelola data; mengurus, melindungi dan memastikan keutuhan serta kegunaan data; mengenal pasti sensitiviti dan kepentingan data; memasti proses bisnes yang bersesuaian; dan bertanggungjawab untuk melantik Urusetia Data.
25. Pemilik Data : Merujuk kepada Agensi Pembekal Data atau pihak yang bertanggungjawab terhadap kualiti, integriti dan memberikan kebenaran akses kepada capaian data.
26. Penjaga Data (*Data Custodian*) : Merujuk kepada pihak yang mempunyai tanggungjawab bagi mengurus teknologi dan kawalan keselamatan berkaitan kerahsiaan, keutuhan dan kebolehsediaan data; menyedia

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

- infrastruktur dan proses yang selamat dan akan termasuk kebolehpulihan data; mempunyai hak kawalan akses; dan melaksana dasar data.
27. **Pengurus Data** : Merujuk kepada agensi atau pihak yang bertanggungjawab untuk mengemas kini serta menjaga keselamatan dan akauntabiliti data.
28. **Pengurusan Data** : Bermaksud praktis mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan data secara selamat, cekap dan berkesan.
29. **Perkongsian Data** : Bermaksud Agensi berkongsi data secara selamat antara agensi masing-masing, antara komuniti perniagaan, rakyat dengan penjawat awam bagi tujuan mengoptimumkan potensi data.
30. **Platform Perkongsian Data** : Merujuk kepada infrastruktur sebagai pemboleh daya perkongsian data yang disediakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi kemudahan perkongsian data merentas agensi yang lancar dan sistematik.
31. **Rahsia Rasmi** : Merujuk kepada apa-apa suratan yang dinyatakan di dalam Jadual kepada Akta Rahsia Rasmi (Akta 88) dan apa-apa maklumat dan bahan yang berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa dokumen rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” mengikut mana-mana yang berkenaan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B Akta 88.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

32. SelGDX : Merujuk kepada *Selangor Government Data Exchange* iaitu platform perkongsian data merentas Agensi khusus untuk kegunaan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang menawarkan perkhidmatan *broker* data sekaligus dapat mengurangkan kos penyediaan infrastruktur dan pengintegrasian sistem di agensi.
33. Urusetia Data (*Data Steward*) : Merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap ketepatan, keselamatan dan privasi set data tertentu; merupakan Pakar Bidang Kursus dan melaksana *standard* data dan memantau kualiti data.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

BAB 1: PENGENALAN

Keperluan perkongsian data antara Agensi merupakan satu strategi utama ke arah memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang selamat, cepat dan tepat. Tujuan, rasional, objektif, skop, prinsip dan pemakaian dasar adalah seperti yang terkandung dalam dokumen ini.

1.1 Tujuan

Dasar ini bertujuan memberi panduan kepada Agensi melaksanakan perkongsian data merentas agensi masing-masing ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang inklusif, bersepadu, stabil dan mampan bagi merealisasikan inisiatif '*Smart Selangor*' berpacuan data. Dasar ini boleh dirujuk oleh pihak yang hendak berurusan dengan Agensi bagi pelaksanaan perkongsian data.

1.2 Rasional

Data merupakan sumber yang bernilai dan aset berharga organisasi dalam penyediaan perkhidmatan awam kepada rakyat, pengurusan pentadbiran negara dan pembangunan negara. Penggunaan data dalam inovasi berasaskan pendigitalan semakin penting selari dengan keperluan rakyat bagi mendapatkan perkhidmatan yang saling melengkapi, cepat dan mudah. Pelaksanaan inovasi pendigitalan ini memerlukan perkongsian data bagi penyediaan perkhidmatan merentas agensi yang inklusif, bersepadu, stabil dan selamat.

Perkongsian data secara digital dapat merealisasikan pembuatan keputusan yang berpacuan data dan memperkasa perkhidmatan Agensi serta rakyat Negeri Selangor. Data dari pelbagai agensi yang saling melengkapi akan membantu meningkatkan keupayaan perkhidmatan untuk rakyat Selangor dan mempercepatkan penyelesaian isu semasa atau terkini.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

Pertumbuhan data yang berlipat ganda dan aplikasi analisis data bersepadu dalam negara atau Negeri Selangor dapat melonjakkan pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iaitu mengukuhkan infrastruktur digital yang bersifat inklusif, bersepadu, stabil dan mampan. Oleh itu, aspirasi Kerajaan Negeri Selangor menjadikan data yang disimpan oleh Agensi akan dikendalikan dengan lebih cekap dan efisien melalui perkongsian data sekaligus meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat.

Sehubungan dengan itu, satu dasar yang menyeluruh dan lengkap diwujudkan bagi menyokong inisiatif perkongsian data di antara Agensi dan agensi masing-masing (G2G), dengan Rakyat (G2C) dan dengan Penjawat Awam (G2E). Seterusnya, perkongsian data merentas Agensi dapat diperkukuh dan dijadikan amalan pembudayaan digital yang berkualiti.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

1.3 Objektif

Objektif perkongsian data adalah seperti yang berikut:

- 1) Memperkasa perkongsian data merentas Agensi bagi meningkatkan kecekapan, kualiti, menjimatkan masa dan tenaga menerusi platform perkongsian data yang menawarkan perkhidmatan *broker* data sekaligus dapat mengurangkan kos penyediaan infrastruktur dan pengintegrasian sistem di agensi;
- 2) Memastikan data dapat dikongsi merentas agensi dengan SELAMAT, CEPAT dan TEPAT; dan
- 3) Melonjak inovasi berpacuan data serta memperkukuh prestasi penyampaian perkhidmatan ke arah "*Smart Digital Infrastructure*" sekaligus mendepani dan menyokong pembangunan Pelan Tindakan Smart Selangor 2025.

1.4 Skop

Data dalam dasar ini adalah merujuk kepada takrifan data rahsia rasmi dan data rasmi. Data rahsia rasmi dikelaskan kepada empat (4) kategori iaitu terhad, sulit, rahsia dan rahsia besar sebagaimana definisi dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], dan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Skop pelaksanaan perkongsian data ini merangkumi perkongsian merentas Agensi iaitu G2G, G2B, G2C dan G2E. Dasar ini terpakai kepada Agensi dan data yang boleh dikongsi antara Agensi adalah data mentah atau data terbitan yang tertakluk kepada persetujuan Agensi Pembekal Data.

1.5 Prinsip Perkongsian Data

Agensi hanya boleh berkongsi data apabila memenuhi prinsip yang berikut:

- 1) Perkongsian data atas keperluan dan mendapat persetujuan;
- 2) Perkongsian data secara selamat, cepat dan tepat; dan

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

- 3) Perkongsian data yang menambah nilai dan kualiti kepada perkhidmatan awam, rakyat dan negara.

1.5.1 Prinsip Perkongsian Data Atas Keperluan dan Mendapat Persetujuan

Prinsip ini menetapkan bahawa data hanya boleh dikongsi sekiranya terdapat keperluan dan kebenaran dari Agensi Pembekal Data. Bagi data rahsia rasmi, keperluan dan kebenaran perkongsian hendaklah dirujuk kepada Agensi Pembekal Data sahaja. Perkongsian data hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh agensi tersebut berdasarkan pengelasan rahsia rasmi Kerajaan bagi mengelakkan insiden kebocoran data dan memastikan perkongsian data dengan pihak yang sah (*credential/trusted*). Walau bagaimanapun, bagi data yang dikelaskan sebagai data terbuka, Agensi hendaklah menyalurkan data tersebut ke platform SelGDX untuk memastikan data tersebut boleh dimanfaatkan oleh semua pihak.

1.5.2 Prinsip Perkongsian Data Secara Selamat, Cepat dan Tepat

Prinsip ini menjelaskan bahawa data perlu dilindungi dan dipelihara kerahsiaan dan privasi semasa penggunaannya bagi menjamin keselamatannya di sepanjang kitaran hayat data. Data yang tepat dan sahih yang terpelihara daripada ancaman siber dapat meningkatkan kepercayaan rakyat kepada organisasi dengan jaminan keselamatan yang utuh serta dokongan kedaulatan negara. Amalan Perlindungan Data dan Privasi seperti *data anonymization*, penyulitan data, penyulitan hujung ke hujung (E2E) dan pengaturcaraan selamat, yang efisien dapat menangani ancaman dan risiko keselamatan siber seperti penggodaman, pencerobohan sistem, ketirisan data dan serangan virus. Pelan Pemulihan Bencana pula penting bagi merancang pemulihan ancaman atau risiko keselamatan fizikal data seperti pencerobohan (pecah masuk),

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

kecurian dan kebakaran ke atas premis. Pengelasan data perlu mematuhi Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] yang dikendalikan oleh Pegawai Pengelas daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). Kaedah pengendalian data dan kelakuan penyalahgunaan data dalam persekitaran ICT tertakluk kepada akta, peraturan dan tadbir urus yang ditetapkan seperti berikut:

- 1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- 2) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709];
- 3) Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 [Enakmen 8];
- 4) Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017);
- 5) Dasar Keselamatan ICT Selangor (Terkini);
- 6) Dasar Perkongsian Data Sektor Awam (2021);
- 7) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993];
- 8) Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2021 Tapisan Keselamatan Semula Kepada Pegawai Awam Melalui Sistem *e-Vetting*; dan
- 9) Pekeliling Am Bil. 1/2007 – Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.

Pematuhan akta, peraturan dan tadbir urus ini memberi jaminan keselamatan pelaksanaan perkongsian data kepada Pentadbir SelGDX, Agensi Pembekal Data dan Pengguna Data.

1.5.3 Prinsip Perkongsian Data Menambah Nilai dan Kualiti Kepada Perkhidmatan Awam, Rakyat dan Negara

Prinsip ini menetapkan bahawa data Agensi perlu dimanfaatkan untuk mencipta nilai baharu supaya dapat memaksimumkan nilai dan kualiti data bagi merealisasikan Pelan Tindakan Smart Selangor yang menyokong teknologi digital berpacuan data. Data yang disimpan dan dikendali oleh

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

Agensi boleh dimanfaatkan dengan lebih cekap dan efisien untuk mengelakkan duplikasi dalam pengumpulan data dan mengekalkan satu sumber yang sahih (*single source of truth*). Sekaligus, dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat Selangor untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Ia juga dapat memperkasa ekonomi digital, mengurangkan kadar jenayah, menyelamatkan nyawa dan memberi manfaat kepada penyampaian perkhidmatan. Pihak yang terlibat dalam perkongsian data adalah tertakluk kepada instrumen perundangan dan pentadbiran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa tidak terhad kepada:

- 1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993];
- 2) Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2021 Tapisan Keselamatan Semula Kepada Pegawai Awam Melalui Sistem *e-Vetting*;
- 3) Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat (2007);
- 4) Dasar Keselamatan ICT Selangor (terkini);
- 5) Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2002 Penggunaan dan Pemakaian *Data Dictionary* Sektor Awam (DDSA) sebagai *Standard* di Agensi-Agensi Kerajaan;
- 6) ISO/DIS 37156(en) *Guidelines on Data Exchange and Sharing for Smart Community Infrastructures*;
- 7) ISO 27010:2015 *Information Technology – Security Techniques - Information Security Management for Inter-Sector and Inter-Organizational Communications*; dan
- 8) Panduan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan MS ISO 9001:2015 bagi Agensi Sektor Awam.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

BAB 2: PEMUDAH CARA PERKONGSIAN DATA NEGERI SELANGOR

Pemudah cara perkongsian data Negeri Selangor bergantung kepada pelbagai faktor kritikal seperti tadbir urus yang cekap dan berkesan, perundangan dan peraturan yang inklusif, *standard* yang menyokong *interoperability*, platform perkongsian data yang mapan, mampan dan selamat serta pembudayaan organisasi yang berkualiti.

2.1 Tadbir Urus Data yang Cekap dan Berkesan

2.1.1 Tadbir urus yang jelas dan cekap merupakan tonggak di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan hala tuju dan pelaksanaan perkongsian data dapat dilaksanakan secara efisien agar keupayaan dan nilai data dalam perkhidmatan digital Agensi dapat direalisasikan selari dengan perkembangan teknologi.

2.1.2 Pematuhan ke atas Dasar Perkongsian Data Selangor diperincikan dalam Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perkongsian Data Selangor.

2.1.3 Setiap Agensi bertanggungjawab untuk mematuhi Dasar Perkongsian Data Selangor dan Garis Panduan yang telah disediakan bagi membangun dan menyelaraskan program berpacuan data yang tidak terhad kepada perkongsian data malah merangkumi data terbuka serta data raya.

2.1.4 Tanggungjawab Agensi berkaitan perkongsian data adalah seperti berikut:

- 1) Mengetahui pasti data yang diperolehi, disimpan dan diurus dalam setiap Agensi mengikut klasifikasi data seperti ditetapkan dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]; dan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017);

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

- 2) Mengkaji dan mengambil kira perundangan, peraturan dan perjanjian perkongsian data di setiap Agensi (sekiranya perlu);
- 3) Merancang, menyediakan, mengenal pasti dan menyelaraskan strategi, prosedur serta keperluan sumber bagi pelaksanaan perkongsian data;
- 4) Mengetahui keperluan dan sumber data untuk menambah baik perkhidmatan baru dan sedia ada;
- 5) Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan perkongsian data;
- 6) Memantau dan melaporkan status pelaksanaan perkongsian data semasa kepada pihak yang berkepentingan;
- 7) Memastikan perundangan, peraturan dan perjanjian perkongsian data dipatuhi; dan
- 8) Memastikan data terbitan dinilai kualitinya dan kategori pengelasan baharu (jika perlu) mengikut prosedur semasa.

2.1.5 Senarai pihak berkepentingan dalam perkongsian data adalah seperti berikut (tertakluk kepada kesesuaian agensi):

- 1) Agensi Pembekal Data atau Pemilik Data
- 2) Pengguna Data
- 3) Pemegang Amanah Data (*Data Trustee*)
- 4) Urus Setia Data (*Data Steward*)
- 5) Pentadbir Data
- 6) Pengurus Data
- 7) Penjaga Data (*Data Custodian*)

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

2.2 Perundangan dan Peraturan yang Tuntas

- 2.2.1 Pelaksanaan perkongsian data oleh Agensi adalah tertakluk kepada dasar ini.
- 2.2.2 Setiap Agensi hendaklah menyemak dan menjarar instrumen perundangan dan pentadbiran yang sedang berkuat kuasa di Agensi masing-masing bagi menyokong dasar perkongsian data dan keperluan pendigitalan.
- 2.2.3 Amalan terbaik yang tidak bercanggah dengan prinsip perkongsian data boleh diterima pakai dan disesuaikan mengikut keperluan Agensi masing-masing.
- 2.2.4 Agensi hendaklah memberikan kesedaran dan meningkatkan kefahaman pegawai atasan serta pegawai pengurusan mengenai dasar, instrumen perundangan dan pentadbiran masing-masing.
- 2.2.5 Bagi memastikan perkongsian data yang efisien, Agensi perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) perkongsian data yang disediakan.
- 2.2.6 Amalan baik untuk pengurusan data peribadi hendaklah merujuk kepada Jabatan Perlindungan Data Peribadi (Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]).

2.3 *Standard yang menyokong Interoperability*

- 2.3.1 Penetapan *standard* dalam penyediaan dan perkongsian data amat penting bagi memudahkan proses perkongsian data supaya menjadi lebih efisien. Penggunaan *standard* dapat menggabungkan data daripada pelbagai agensi dan sumber untuk menghasilkan maklumat secara komprehensif bagi kegunaan perancangan dan pembuatan keputusan yang cepat dan tepat. Agensi hendaklah melaksanakan perkongsian data merentas agensi menggunakan SOP Sektor Awam yang sedang berkuat kuasa seperti *Data Dictionary Sektor Awam* (DDSA).

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

2.4 Platform Perkongsian Data yang SELAMAT, CEPAT dan TEPAT

- 1) Perkongsian data menjadi keperluan kerajaan pendigitalan Negeri Selangor bagi membolehkan setiap Agensi berfungsi secara optimum untuk melaksanakan fungsi bisnes masing-masing untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Keperluan data daripada pelbagai sumber dapat dipenuhi melalui integrasi merentas agensi yang diselaras mengikut kluster perkhidmatan. Penyelarasan dan kawalan pewujudan repositori data mengikut kluster perkhidmatan bertujuan untuk mengelakkan pertindihan usaha pengutipan dan pengurusan data Agensi. Pengurusan data dalam repositori dilaksanakan melalui pengintegrasian data daripada pelbagai sumber Agensi dalam pelbagai kluster.

- 2) Platform SelGDX bertindak sebagai pemangkin sistem penyampaian perkhidmatan Agensi yang menyeluruh dan berpaksikan perkhidmatan digital bersepadu agar perkhidmatan perkongsian data sentiasa berkualiti, cekap dan sistematik. Kejayaan penggunaan platform ini bergantung kepada komitmen pihak yang berkepentingan, pengurusan dan pemantauan serta elemen adaptasi terhadap teknologi terkini.

2.4.1 Objektif Platform SelGDX

Objektif pembangunan platform SelGDX adalah:

- 1) Memudah cara perkongsian data merentas agensi dan mewujudkan penyelarasan antara Agensi;
- 2) Menyelaras dan memastikan data yang dikongsi adalah tepat, terkini dan konsisten daripada sumber yang sahih;
- 3) Menjadi pemboleh daya integrasi data secara *seamless* untuk memperkasa pengutipan dan pengurusan data secara berkesan, seragam dan bersepadu; dan

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

- 4) Meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan Agensi dengan memudahkan perkongsian, capaian dan pemprosesan data yang lebih inklusif, stabil dan selamat.

2.4.2 Peranan dan Tanggungjawab Pentadbir Platform SelGDX

Platform SelGDX ditadbir oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk:

- 1) Memantau dan melaksanakan analisis perkhidmatan integrasi;
- 2) Menganggarkan keperluan kapasiti platform masa hadapan;
- 3) Menguatkuasakan peraturan, perundangan dan standard;
- 4) Memberikan bimbingan dan sokongan teknikal kepada pengguna platform SelGDX bagi menggalakkan perkongsian data;
- 5) Memantau perkongsian data secara menyeluruh;
- 6) Menawarkan tindak balas penyelesaian segera terhadap sebarang insiden yang berlaku; dan
- 7) Memastikan platform dan perkhidmatannya sentiasa dalam keadaan yang optimum.

2.4.3 Ciri-Ciri Standard Platform SelGDX

Platform SelGDX menekankan ciri-ciri yang berikut:

1) Keselamatan

Ciri-ciri keselamatan bagi infrastruktur dan data yang menjamin keselamatan dan privasi pengguna seperti *data anonymization*, penyulitan data, penyulitan hujung ke hujung (E2E) dan pengaturcaraan selamat, semasa pelaksanaan perkongsian data merentas agensi.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

2) Ketersediaan

Menjamin ketersediaan dan aksesibiliti perkhidmatan perkongsian data tanpa mengganggu perkhidmatan sedia ada (*single point of failure*) dalam arkitektur/seni bina perkongsian data.

3) *Visibility* dan Ketelusan

Pengguna platform SelGDX dapat menyelaras dan memantau prestasi infrastruktur platform, log transaksi dan aktiviti perkongsian data secara menyeluruh.

4) *Auditability*

Pengguna platform SelGDX dapat memantau dan meneliti aktiviti semasa pasca pelaksanaan ekosistem platform perkongsian data seperti log audit, log transaksi dan boleh disemak untuk tujuan pengesahan.

5) *Scalability*

Platform SelGDX menyokong jumlah penambahan pengguna baharu tanpa mengganggu perkhidmatan perkongsian data sedia ada.

6) Ketahanan dan Kelestarian

Teknologi dan arkitektur perkongsian data SelGDX memberikan kelebihan kepada penyampaian perkhidmatan dan operasi agensi pengguna untuk berdaya tahan bagi menangani risiko kegagalan operasi.

7) Kecekapan Integrasi

Platform SelGDX menyokong keperluan integrasi data terhadap pengguna baharu dengan selamat, cekap dan cepat. Hal ini membolehkan pemasangan dan konfigurasi komponen platform

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

perkongsian data dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat di Agensi Pembekal Data dan Pengguna Data.

2.5 Pembudayaan Kualiti

2.5.1 Agensi hendaklah melaksanakan usaha pembudayaan perkongsian data bagi meningkatkan keupayaan dan kejayaan perkongsian data dengan lebih efektif, selamat serta berkualiti. Pembudayaan ini diterap melalui tiga (3) aspek iaitu:

- 1) Kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan perkongsian data hendaklah disebar dan diterapkan secara berkala dalam kalangan warga Agensi seperti promosi pemasaran, sesi taklimat, ceramah, dan bengkel. Matlamat pembudayaan berkongsi data ialah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan sektor awam dan mencipta kejayaan serta kesejahteraan seiring dengan peningkatan kualiti hidup rakyat Selangor.
- 2) Pembangunan kompetensi dan keupayaan modal insan antara aspek perkongsian data berjaya. Ia memerlukan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan dasar, prosedur dan garis panduan semasa serta keperluan aspek teknikal. Agensi perlu memberikan latihan teknikal kepada pegawai yang terlibat mengenai instrumen perundangan, instrumen pentadbiran dan prosedur pada peringkat agensi semasa pelaksanaan perkongsian data.
- 3) Pelaksanaan perkongsian data perlu menekankan aspek nilai dan etika. Pertimbangan perkongsian data perlu mengambil kira nilai tambah kepada perkhidmatan di Agensi. Etika penggunaan data secara berintegriti dan bertanggungjawab adalah penting kepada semua pihak berkepentingan.
- 4) Perkongsian data berasaskan Pengurusan Kualiti dijadikan strategi pengurusan di setiap Agensi. Agensi perlu mengutamakan pengurusan perkongsian data berpandukan Kitaran Rancang, Buat,

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

Semak, Bertindak (PDCA) untuk merancang dan melaksanakan penyediaan perkhidmatan baharu serta menyemak dan bertindak bagi penambahbaikan perkhidmatan sedia-ada. Pengurusan Risiko dan Pengurusan Perubahan perlu diterapkan secara berkala semasa menangani masalah dan halangan semasa pelaksanaan perkongsian data dengan merujuk Garis Panduan Model Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 MAMPU.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

BAB 3: PELAKSANAAN PERKONGSIAN DATA YANG SELAMAT, CEPAT DAN TEPAT

Bab ini membincangkan peranan Agensi, ekosistem, tatacara, pertimbangan, penggunaan dan pembangunan *API endpoints* bagi pelaksanaan perkongsian data yang selamat, cepat dan tepat.

3.1 Peranan Agensi Terhadap Data

3.1.1 Agensi hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan data ditadbir dan diurus dengan baik bagi menjamin kualiti, integriti dan keselamatan data. Agensi hendaklah jelas dengan peranan yang dilaksanakan sama ada sebagai Agensi Pembekal Data atau Pemilik Data, Pengguna Data, Pemegang Amanah Data, Urusetia Data, Penjaga Data, Pengurus Data, dan Pentadbir Data (tertakluk kepada keperluan agensi semasa).

3.1.2 Langkah-langkah utama pelaksanaan perkongsian data merujuk Garis Panduan Perkongsian Data SelGDX.

3.1.3 Agensi boleh memegang lebih daripada satu peranan bergantung kepada keperluan semasa dan tanggungjawab mereka. Contoh bagi Agensi yang berperanan sebagai Agensi Pembekal Data dan Pengguna Data.

3.1.4 Contoh Senario 1:

Seorang penduduk Negeri Selangor bernama En. Sivakumar memiliki dua (2) buah rumah iaitu di Shah Alam dan Kajang. Beliau menghadapi kesukaran untuk membayar cukai taksiran kerana perlu mengakses dua (2) sistem pembayaran cukai iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

Aplikasi CEPat yang dibangunkan oleh SSDU Innovations Sdn. Bhd. merupakan platform pembayaran elektronik berpusat (*e-payment*). CEPat mengintegrasikan semua sistem pembayaran cukai taksiran di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Selangor. Penduduk Negeri Selangor boleh membuat pembayaran cukai taksiran di semua PBT di Negeri Selangor melalui aplikasi CEPat.

En. Sivakumar hanya perlu membuat pembayaran kepada kedua-dua PBT ini menggunakan aplikasi CEPat. Aplikasi ini memerlukan maklumat kediaman En. Sivakumar menggunakan Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Akaun Cukai Taksiran untuk memaparkan maklumat kediaman, status pembayaran dan jumlah pembayaran.

Merujuk senario di atas, peranan yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1) MBSA dan MPKj merupakan Agensi Pembekal Data bagi cukai taksiran.
- 2) SSDU merupakan Pengguna Data bagi semakan dan pembayaran cukai taksiran bersepadu.

3.1.5 Contoh Senario 2:

Seorang penduduk Negeri Selangor bernama Pn. Chia ingin mendapatkan maklumat berkaitan amaran banjir di tempat kerjanya di Shah Alam. Beliau perlu mengakses tiga (3) buah sistem yang berlainan untuk mendapatkan maklumat amaran banjir daripada laman web info banjir yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor, amaran ribut petir daripada laman web infoMET yang disediakan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan indeks bacaan kelembapan udara daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

Justeru itu, perancangan perjalanan Puan Chia ke tempat kerja akan menjadi lebih mudah apabila laman web Informasi Banjir Bersepadu Negeri Selangor (WibSel) yang dibangunkan oleh Syarikat ABC Sdn. Bhd. dapat menyediakan maklumat amaran banjir dan cerapan hidrologi terkini melalui satu integrasi sistem sahaja.

Merujuk senario di atas, peranan yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1) JPS merupakan Agensi Pembekal Data bagi data amaran banjir.
- 2) METMalaysia dan JAS merupakan Agensi Pembekal Data bagi amaran ribut petir dan bacaan indeks pencemaran udara.
- 3) Syarikat ABC Sdn. Bhd. merupakan Pengguna Data yang membangunkan WibSel bagi menyediakan maklumat amaran banjir dan cerapan hidrologi terkini.

3.1.6 Contoh Senario 3:

Sebuah syarikat kontraktor tempatan bernama Syarikat XYZ Sdn. Bhd. menghadapi kesukaran untuk mempromosi perkhidmatan dan produk syarikatnya untuk memperolehi maklumat tender bagi projek Negeri Selangor. En. Ahmad merupakan seorang pekerja dari Syarikat XYZ Sdn. Bhd. terpaksa menyemak pembukaan tender dari setiap PBT Negeri Selangor melalui sistem aplikasi yang berlainan.

Pelan Tindakan Smart Selangor telah membangunkan satu sistem pengurusan tender bersepadu untuk kegunaan semua PBT yang dikenali sebagai Sistem Tender Selangor. Setiap PBT boleh berkongsi maklumat tender yang perlu dihebahkan kepada syarikat kontraktor tempatan menggunakan API melalui SelGDX. Di samping itu, syarikat kontraktor juga berpeluang untuk berkongsi maklumat penting berkenaan syarikat, perkhidmatan, produk dan testimonial menggunakan API melalui SelGDX.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

En. Ahmad bukan sahaja mudah untuk mengenal pasti peluang tender yang ditawarkan oleh PBT Negeri Selangor malah beliau boleh berkongsi maklumat syarikatnya dengan lebih selamat, cepat dan tepat melalui integrasi Sistem Tender Selangor.

Merujuk senario di atas, peranan yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1) Syarikat kontraktor tempatan, Syarikat XYZ Sdn. Bhd. merupakan Agensi Pembekal Data bagi data laporan audit, perkhidmatan, produk dan testimonial.
- 2) PBT merupakan Agensi Pembekal Data bagi data pembukaan tender.
- 3) Pejabat SUK Selangor merupakan Pengguna Data yang membangunkan Sistem Tender Selangor bagi menyediakan maklumat pembukaan tender bersepadu.

3.2 Ekosistem Perkongsian Data

Ekosistem perkongsian data melibatkan tiga (3) pihak yang melaksanakan peranan tertentu bagi melengkapkan kitar hayat perkongsian data. Pihak tersebut adalah seperti berikut:

3.2.1 Agensi Pembekal Data

Tanggungjawab Agensi yang berfungsi sebagai Agensi Pembekal Data adalah seperti berikut:

- 1) Mewujudkan atau menggunakan struktur tadbir urus data sedia ada peringkat tertinggi Agensi untuk membuat keputusan berkenaan perkongsian data;
- 2) Menetapkan prosedur bagi permohonan dan kelulusan perkongsian data dengan mengambil kira kesahihan identiti pemohon data;

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

- 3) Memastikan kawalan dan capaian data adalah jelas dan dipatuhi bagi menjamin keselamatan data;
- 4) Membuat pengkelasan data melalui Pegawai Pengelasan Iantikan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (GCSO) sebelum melaksanakan perkongsian data kepada Agensi lain. Pengkelasan data terdiri daripada data terbuka, terhad, sulit, rahsia atau rahsia besar. Agensi hendaklah merujuk Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]; Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017); semasa melaksanakan pengkelasan data; dan
- 5) Menyediakan pelaporan perkongsian data Agensi dan pengendalian insiden keselamatan siber (jika perlu) kepada pihak yang berkepentingan.

3.2.2 Pengguna Data

Tanggungjawab Agensi atau pihak yang berfungsi sebagai Pengguna Data adalah seperti berikut:

- 1) Mewujudkan atau mengunapakai struktur tadbir urus data sedia ada yang terdiri daripada Pasukan Pentadbir Data dan Pasukan Perkongsian Data;
- 2) Mentadbir SelGDX pada peringkat Agensi;
- 3) Memastikan kawalan dan capaian data adalah jelas dan dipatuhi bagi menjamin keselamatan dan privasi data;
- 4) Mematuhi prosedur, dokumen perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dan/atau syarat perkongsian data yang telah ditetapkan oleh Agensi Pembekal Data;
- 5) Menyediakan pelaporan perkongsian data SelGDX dan pengendalian insiden keselamatan siber (jika perlu) kepada pihak yang berkepentingan; dan

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

- 6) Menilai kualiti dan kategori pengkelasan baharu bagi data terbitan mengikut prosedur dan kesesuaian semasa.

Perkongsian data yang melibatkan individu atau penyelidik sebagai pengguna data hanya terpakai di perenggan 3.2.2 (3) dan (4).

3.2.3 Pentadbir Platform SelGDX

Pentadbir Platform SelGDX memainkan peranan yang paling penting untuk memastikan kelancaran aktiviti perkongsian data antara Agensi Pembekal Data dengan Pengguna Data. Tanggungjawab Pentadbir Platform SelGDX adalah seperti berikut:

- 1) Mewujudkan atau menggunakan pasukan kerja data sedia ada di peringkat Agensi bagi mentadbir platform SelGDX;
- 2) Menyediakan infrastruktur sebagai pemboleh daya perkongsian data yang inklusif, bersepadu, stabil dan selamat;
- 3) Menyelaras kaedah dan standard perkongsian data;
- 4) Memantau dan mengurus platform SelGDX supaya ia sentiasa tersedia, aksesibiliti dan *interoperability* semasa pelaksanaannya;
- 5) Memastikan dan menjamin keselamatan operasi platform SelGDX;
- 6) Mengurus dan menyelaras agensi yang berdaftar dalam platform SelGDX;
- 7) Menyediakan pelaporan perkongsian data SelGDX dan pengendalian insiden keselamatan siber kepada pihak yang berkepentingan; dan
- 8) Memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan dengan perkongsian data kepada pengguna platform SelGDX.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

3.3 Tatacara Perkongsian Data

3.3.1 Tatacara perkongsian data melibatkan proses permohonan dan mendapatkan kelulusan bagi perkongsian data. Tatacara umum permohonan dan kelulusan perkongsian data yang boleh diguna pakai oleh Agensi adalah seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Perkongsian Data SelGDX.

3.3.2 Pertimbangan Perkongsian Data

- 1) Perkongsian data merentas Agensi memerlukan kolaborasi dan komitmen daripada setiap Agensi. Pelaksanaan perkongsian data sama ada secara pembekalan sekali sahaja (*one-off*) atau pada jangka masa yang tertentu hendaklah disokong oleh dokumen perjanjian. Dokumen perjanjian antara Agensi Pembekal Data dengan Pengguna Data ini bertujuan memastikan kedua-dua pihak mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang dipersetujui serta menjaga kepentingan, keselamatan dan privasi data.
- 2) Agensi hendaklah membuat pertimbangan permohonan perkongsian data dengan mengambil kira syarat atau kriteria pematuhan yang ditetapkan serta kesan perkongsian data berkenaan. Prosedur perkongsian data peringkat Agensi perlu mempunyai elemen untuk mengesahkan kesahihan identiti pemohon. Agensi berhak untuk menolak sebarang permohonan perkongsian data sekiranya tidak memenuhi syarat atau kriteria ditetapkan oleh Agensi seperti data yang dimohon tidak wujud atau tidak dikawal oleh Agensi.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

3.3.3 Perjanjian Perkongsian Data

Perjanjian perkongsian data menjelaskan terma dan syarat penggunaan data. Dokumen perjanjian mengikut kriteria perkongsian data adalah seperti berikut:

1) **Pembekalan Data Secara Sekali Sahaja (*one-off*)**

Agensi bertanggungjawab menyatakan status kelulusan kepada permohonan perkongsian data yang mengandungi syarat-syarat pematuhan dan penggunaan data.

2) **Perkongsian Data yang Mempunyai Tempoh Masa Tertentu**

Memorandum Persefahaman (MoU) atau Dokumen Perjanjian boleh digunakan bagi perkongsian data yang mempunyai tempoh masa tertentu. Pemakaian MoU atau Dokumen Perjanjian adalah mengikut kesesuaian dan persetujuan antara pihak-pihak yang terlibat.

Dokumen Perjanjian antara pemilik dengan pengguna data perlu mengandungi tujuan, pengkelasan data, pematuhan perundangan, tadbir urus, kaedah perkongsian, kualiti data, pengurusan data dan caj.

3.3.4 Caj Perkongsian Data

Perkongsian data merentas Agensi perlu mengikut kategori seperti dinyatakan dalam perenggan 1.4 serta mengikut persetujuan dan perjanjian yang telah ditetapkan oleh Agensi Pembekal Data iaitu mengurus dan menyelaras caj perkongsian data. Langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengenakan caj perkongsian data (sekiranya perlu) adalah seperti berikut:

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

1) Instrumen Perundangan

Agensi perlu memastikan terdapat peruntukan kebenaran spesifik dalam instrumen perundangan masing-masing yang membenarkan caj bayaran dikenakan. Bagi Agensi yang tiada mempunyai instrumen perundangan sebagai contoh Syarikat Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mendapatkan nasihat daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang supaya caj boleh dilaksanakan berasaskan ketetapan perundangan masing-masing.

2) Jadual Pembayaran

Pihak berkepentingan perlu berunding dan bersetuju dengan dokumen perincian kos yang mengandungi jadual pembayaran yang termaktub dalam Dokumen Perjanjian perkongsian data bagi mengelakkan perselisihan dan pertikaian selepas pemeteraian perjanjian.

3.4 Penggunaan Data

Penggunaan data semasa pelaksanaan perkongsian data hendaklah mematuhi perkara yang berikut:

1) Terma dan Syarat

Data yang digunakan hendaklah mengikut terma perjanjian dan syarat penggunaan menggunakan data mengikut terma dan syarat penggunaan data yang dinyatakan di dalam surat kelulusan atau Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU). Data tidak boleh dikongsi kepada pihak ketiga (tertakluk kepada kebenaran Agensi Pembekal Data).

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

2) Data digunakan secara beretika

Perkongsian data yang beretika perlu mengamalkan prinsip seperti dinyatakan di perenggan 1.5 dan nilai murni atau akhlak serta moral. Pertimbangan semasa perkongsian dan penggunaan data dari aspek nilai dan etika. Contohnya, data peribadi rakyat perlu dilindungi secara *data anonymization* semasa perkongsian data.

3) Perkhidmatan nilai tambah seimbang dengan etika

Prinsip nilai tambah kepada perkhidmatan awam, rakyat dan Negeri Selangor perlu diimbangi dengan amalan penggunaan data yang beretika supaya dapat mengekalkan kepercayaan rakyat dan memelihara imej baik Agensi.

4) Menyatakan sumber data

Pengguna Data hendaklah merekodkan dan menyatakan sumber data yang diterima bagi sebarang terbitan atau pelaporan yang dihasilkan.

3.5 Pembangunan *API Endpoints*

Pembangunan API perlu mengambil kira pertimbangan seperti berikut:

3.5.1 Perkongsian data memerlukan ketersediaan *API Endpoints* apabila dipaparkan pada katalog SelGDX. Agensi Pembekal Data disarankan bertanggungjawab untuk membangunkan, menyediakan dan menyelenggarakan *API Endpoints* atau katalog mengikut keperluan terkini bagi perkongsian data SelGDX.

3.5.2 Pengguna data dari Agensi boleh memilih katalog yang sesuai. Agensi boleh memohon data baharu sekiranya *API Endpoints* belum tersenarai dalam katalog SelGDX.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

3.5.3 Kos pembangunan perlu ditanggung oleh Pengguna Data tertakluk kepada arahan Kerajaan Negeri atau persetujuan semasa.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

BAB 4: PERLINDUNGAN DAN PRIVASI DATA

Agensi hendaklah mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan, perlindungan dan privasi data dalam pelaksanaan perkongsian data. Keselamatan, perlindungan serta privasi data boleh dirujuk kepada Dasar Keselamatan ICT Negeri Selangor, akta, pekeliling, garis panduan, prosedur, dasar keselamatan siber atau dokumen lain yang berkaitan dan sedang berkuat kuasa.

4.1 Prinsip Asas Keselamatan Data

Keselamatan data bertujuan menjamin keselamatan dan ketersediaan data dalam pelaksanaan perkongsian data. Asas keselamatan data merangkumi lima (5) prinsip berikut:

1) Kerahsiaan

Agensi hendaklah memastikan data hanya boleh dilihat, dibaca atau dikawal capaian oleh pihak yang diberi hak sahaja. Maklumat peribadi perlu dilindungi secara penyulitan data dan/atau *data anonymization*, penyulitan hujung ke hujung (E2E) dan pengaturcaraan selamat untuk mencegah daripada dicapai oleh pihak yang tidak berkenaan.

2) Integriti

Agensi hendaklah memastikan data yang dimiliki, disedia atau ditadbir adalah tepat, lengkap, terkini dan daripada sumber yang sahih.

3) Ketersediaan

Agensi hendaklah memastikan data boleh dicapai dan digunakan pada bila-bila masa oleh pengguna yang sah dan dibenarkan sahaja.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

4) Tidak boleh disangkal

Agensi hendaklah mengambil langkah keselamatan bagi memastikan sebarang log aktiviti dan log transaksi perkongsian data tidak boleh disangkal.

5) Kesahihan

Agensi hendaklah memastikan setiap log transaksi perkongsian data dilaksanakan secara sah sebagaimana yang dipersetujui oleh Agensi Pembekal Data dan Pengguna Data.

4.2 Pemrosesan Data

Agensi hendaklah memastikan keselamatan, perlindungan dan privasi data diamalkan seperti *data anonymization*, penyulitan data, penyulitan hujung ke hujung (E2E) dan pengaturcaraan selamat, pada semua peringkat pemilihan teknologi dan pemrosesan data berpandukan Dasar Keselamatan ICT Selangor, akta, pekeliling, garis panduan, prosedur dan dasar sedia ada.

4.3 Keperluan Keselamatan dan Privasi Data

4.3.1 Agensi hendaklah mengambil kira keperluan dan tindakan proaktif berkaitan keselamatan dan privasi data bagi menangani ancaman keselamatan siber yang semakin meningkat.

4.3.2 Agensi hendaklah melaksanakan penilaian risiko keselamatan ICT secara berkala semasa pelaksanaan perkongsian data bagi menjamin perlindungan dan kawalan terhadap manusia, proses dan teknologi.

4.3.3 Penilaian risiko keselamatan ICT perlu mengambil kira keperluan perubahan teknologi dan alat keselamatan ICT semasa supaya dapat mengawal atau mengurangkan risiko keselamatan ICT.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

4.3.4 Agensi perlu mengendalikan insiden Keselamatan ICT yang berlaku secara proaktif dan reaktif.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

BAB 5: PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB

Dasar Perkongsian Data Selangor bertujuan memberikan panduan berkenaan pematuhan dan tanggungjawab semasa pelaksanaan perkongsian data merentas Agensi.

5.1 Pematuhan

5.1.1 Dasar Perkongsian Data Selangor ini hendaklah dibaca, difahami dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk ketidakpatuhan terhadapnya yang boleh menjejaskan perkongsian data. Perkongsian data ini bertujuan menyokong penyampaian perkhidmatan digital yang inklusif, bersepadu, stabil dan selamat selaras dengan aspirasi 'Smart Selangor' berpacukan data.

5.1.2 Agensi perlu memantau pematuhan instrumen perundangan dan pentadbiran yang berkaitan Agensi dan perkongsian data. Tindakan undang-undang berdasarkan instrumen perundangan dan pentadbiran yang sedang berkuat kuasa boleh dikenakan kepada pegawai yang tidak patuh. Pematuhan instrumen perundangan semasa adalah **tidak terhad** kepada:

- 1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- 2) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709];
- 3) Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017);
- 4) Dasar Keselamatan ICT Selangor (Terkini);
- 5) Dasar Perkongsian Data Sektor Awam (2021);
- 6) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993];
- 7) Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2002 : Penggunaan dan Pemakaian *Data Dictionary* Sektor Awam (DDSA) sebagai *Standard* di Agensi-Agensi Kerajaan;

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

- 8) Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2007 : Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat;
- 9) Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2021 : Tapisan Keselamatan Semula Kepada Pegawai Awam Melalui Sistem *e-Vetting*;
- 10) Panduan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan MS ISO 9001 : 2015 bagi Agensi Sektor Awam;
- 11) ISO/DIS 37156(en) *Guidelines on Data Exchange and Sharing for Smart Community Infrastructures*; dan
- 12) ISO 27010:2015 *Information Technology – Security Techniques - Information Security Management for Inter-Sector and Inter-Organizational Communications*.

5.2 Tanggungjawab

5.2.1 Agensi dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam perkongsian data perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga keselamatan, kerahsiaan dan privasi data mengikut instrumen perundangan dan pentadbiran semasa.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

BAB 6: KUASA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) boleh pada bila-bila masa mengarahkan semakan/pindaan dibuat ke atas Dasar Perkongsian Data Selangor ini selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.

MMKN juga boleh membenarkan apa-apa pengenehan (waiver) dan/atau pengecualian daripada mana-mana fasal di dalam Dasar ini jika difikirkan sesuai dan perlu. Sebarang pengenehan dan/atau pengecualian hanya bersifat sementara dan berdasarkan sesuatu keadaan, serta tidak membawa kesan sehingga mengubah/meminda/memansuhkan mana-mana fasal yang terbabit.

	DASAR PERKONGSIAN DATA SELANGOR	VERSI
		1.0

BAB 7: PENUTUP

Dasar ini merupakan rujukan penting kepada Agensi untuk melaksanakan perkongsian data merentas agensi secara cepat dan selamat selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pelan Tindakan *Smart* Selangor iaitu mengukuhkan infrastruktur digital yang bersifat inklusif, bersepadu, stabil dan mampan serta aspirasi pendigitalan yang berpacuan data.

Bahagian Pengurusan Maklumat, Tingkat 2,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 Shah Alam, Selangor
selgdx.selangor.gov.my